

10 DEC 2003

CHAN-LANDASAN KERETAPI/I

PROJEK LANDASAN KERETAPI SINGAPURA-KUNMING MULA JADI REALITI

PUTRAJAYA, 10 Dis (Bernama) -- Projek Lingkaran Landasan Keretapi Singapura-Kunming (SKRL) telah mula kelihatan bentuknya dengan langkah-langkah diambil untuk melengkapkan landasan rel yang masih belum siap di laluan Thailand-Kemboja-Vietnam, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy, hari ini.

Chan, yang juga pengerusi kumpulan bekerja khas (SWG) projek itu berkata cabaran terbesar yang dihadapi projek perdana Asean yang sejauh 5,513 km itu, adalah hubungan landasan yang masih belum siap.

Beliau yang baru pulang daripada menghadiri mesyuarat SWG kelima di Ho Chi Minh City, Vietnam, berkata kerajaan Thai telah menunjukkan hasrat bahawa ia akan membina landasan terpendek yang belum siap itu daripada sempadan Thai ke Poi Peep, bandar sempadan di Kemboja pada akhir tahun depan.

Beliau berkata Malaysia telah bersetuju untuk membantu dalam pembinaan landasan kedua dari Poi Peep ke Sisophon kedua-duanya di Kemboja, sepanjang 48km dengan mendermakan rel landasan keretapi terpakai daripada projek landasan berkembar Rawang-Ipoh pada pertengahan tahun depan, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Chan berkata Malaysia akan menghantar rel terpakai itu sama ada dengan keretapi menerusi Thailand atau pengangkutan laut dan juga akan menghantar pasukan teknikal yang diketuai Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB), ke Kemboja bagi membincangkan butiran terperinci dengan pihak berkuasa pengangkutan dan keretapi negara itu.

Beliau berkata Asian Development Bank (ADB) juga berminat menyokong projek itu dan memperuntukkan AS\$40 juta (AS\$1 = RM3.8) daripada jumlah kos AS\$65 juta dan akan mendapatkan tambahan AS\$25 juta daripada yang lain.

"Bagaimanapun, wang itu hanya akan dapat diperolehi pada 2006, dan ADB telah diminta mengkaji semula keputusannya agar pembiayaan itu boleh dibuat lebih awal," katanya.

Chan berkata laluan ketiga yang belum siap, yang merupakan yang terpanjang sejauh 255km, adalah antara Phnom Penh, Kemboja ke Locninh, bandar sempadan Vietnam.

Menurutnya, Vietnam telah menunjukkan minat untuk membina laluan keempat antara Locninh dan Ho Chi Minh City, sejauh 192km dan telah mengendalikan kajian kemungkinan yang akan dimuktamadkan pada akhir bulan ini.

Beliau berkata Korea Selatan juga menawarkan bantuan untuk mengendalikan kajian kemungkinan bagi laluan antara Kemboja dan Vietnam manakala China telah menunjukkan ia berminat untuk membantu.

"Sebaik sahaja maklumat terperinci berjaya diselesaikan kami akan mula mencari pembiayaan," kata Chan.

"Kita telah lama memperkatakan mengenai projek ini sejak 10 tahun lalu dan kini dengan sesuatu yang konkrit telah diusahakan, projek SKRL akan menjadi satu realiti tidak lama lagi daripada sekarang," katanya.

Projek landasan keretapi itu yang bermula di Singapura dan akan melalui Kuala Lumpur, Bangkok, Ho Chi Minh City, Phnom Penh, Hanoi, Laos, Myanmar sebelum sampai ke Kunming di China, adalah cetusan idea bekas Perdana Menteri Tun Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Malaysia telah dilantik semula untuk mempengerusikan kumpulan bekerja SWG itu untuk tempoh seterusnya sehingga 2006.

Chan berkata mesyuarat itu juga bersetuju untuk mengembangkan

tanggungjawabnya dengan memasukkan usaha mencari pembiayaan. -- BERNAMA
HK FR ZK